

5 Mei 2016

## SIARAN MEDIA 1

### PBAPP 'BUKA' DUA KOLAM AIR BARU DI JAWI

PULAU PINANG, Khamis (5/5/2016): Dua kolam air terawat baru telah beroperasi di Jawi untuk memastikan simpanan air yang lebih dari mencukupi di Seberang Perai Selatan (SPS) untuk tempoh melebihi 24 jam.

Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy berkata Kolam Air (*Reservoir*) R2 dan R3 yang terletak di kawasan Kolam Air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) dibina dengan kos RM16.69 juta.

“Ketika ini terdapat hampir 62,000 pengguna air di SPS. Permintaan air harian bagi SPS ialah hampir 86 juta liter sehari. Jumlah pengguna dan permintaan air harian bagi SPS akan terus meningkat bagi tahun-tahun akan datang ini.

“Ini kerana SPS berada berada di gerbang masa depan yang menarik. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menggalakkan pertumbuhan Koridor Pembangunan SPS,” kata beliau ketika merasmikan Kolam Air R3 di dalam kawasan Kolam Air Jawi PBAPP hari ini. Majlis ini diadakan di Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP.

YB Prof. Dr. P. Ramasamy berkata SPS akan menjadi hab masa depan untuk sektor pembuatan dan perkhidmatan, serta pusat pembangunan komersial dan kediaman abad ke-21 berdasarkan projek-projek berikut di Batu Kawan:

- 11,800 unit rumah mampu milik oleh Kerajaan Negeri;
- Pembangunan bersepadu baru bernilai RM8 bilion oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Aspen Vision Land dan franchaisi IKEA, Ikano di Batu Kawan; dan
- Projek Taman Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang bernilai RM11.3 bilion dan *Business Process Outsourcing* oleh PDC, Temasek dan Economic Development Innovations of Singapore.

YB Prof. Dr. P. Ramasamy berkata pembukaan rasmi kolam air atau *Reservoir R3* menandakan satu peristiwa penting dalam pertumbuhan SPS. Ia mencerminkan komitmen PBAPP untuk meletakkan asas bagi masa hadapan SPS.

“Dengan itu, saya ingin mengucapkan “selamat datang” kepada PBAPP sebagai “pelabur untuk masa hadapan SPS”. Saya juga mengucapkan “Tahniah” and “Syabas” kepada Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa and the pihak Pengurusan PBAPP kerana menyiapkan Kolam Air R2 and R3 di Jawi mengikut jadual,” tambah beliau.

Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd dan PBAPP, Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa berkata R2 telah siap pada bulan Januari 2015, manakala R3 siap pada bulan Januari 2016. Terdapat juga kolam air ketiga, di kawasan PBAPP Jawi, iaitu yang telah siap sejak tahun 1989.

“Dalam kebanyakan kediaman, kita mempunyai tangki air yang menyimpan air untuk kegunaan isi rumah. Pada hakikatnya, Kolam Air PBAPP Jawi berfungsi tangki air besar untuk manfaat SPS.

Apabila penuh, Kolam Air PBAPP Jawi akan menyimpan air yang mencukupi untuk memenuhi keperluan bekalan air 62,000 pengguna di SPS bagi tempoh melebihi 24 jam,” kata beliau.

Air terawat yang disimpan di Kolam Air Jawi dipam dari Loji Rawatan Air Sungai Dua yang terletak kira-kira 40 km di Seberang Prai Utara.

Dalam keadaan biasa, air terawat dari Kolam Air Jawi dibekalkan melalui aliran graviti dan dipam kepada pengguna SPS.

Dato’ Ir. Jaseni berkata, jika paip pecah atau apa-apa kejadian yang tidak diingini yang lain, kolam air ini akan memastikan bahawa tidak ada gangguan bekalan air berlaku untuk sekurang-kurangnya 24 jam.

“Daripada pengalaman kami, 24 jam adalah masa yang mencukupi bagi PBAPP menangani 99% daripada insiden bekalan air luar jangka secara berkesan,” tambah beliau lagi.

---

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Corporate Communications Unit  
Tel : 04-200 6607 Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)